

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPUASAN
KERJA DI KALANGAN GURU TEKNIKAL
DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK:
SATU KAJIAN DI NEGERI
KEDAH DARUL AMAN

LIM YEE CHIAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPUASAN KERJA DI KALANGAN GURU TEKNIKAL DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK; SATU KAJIAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

SESI PENGAJIAN: 2003/2004

Saya LIM YEE CHIAN
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam (AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:
88, TAMAN CENGGI, H,
JALAN TOKAI, SIMPANG EMPAT,
06650 ALOR STAR,
KEDAH, DARUL AMAN

PN. NOR FADILA BINTI AMIN
Nama Penyelia

Tarikh: 12 MAC 2004

Tarikh: 12/03/04

- CATATAN: *
- Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam).”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : PN. NOR FADILA AMIN
Tarikh : 12 MAC 2004

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPUASAN
KERJA DI KALANGAN GURU TEKNIKAL
DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK:
SATU KAJIAN DI NEGERI
KEDAH DARUL AMAN


LIM YEE CHIAN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kejuruteraan Awam)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

MAC, 2004

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : LIM YEE CHIAN
Tarikh : 12 MAC 2004

DEDIKASI

***Buatmu ayah (LIM AH SUI) dan ibu (GEE MEI LAN) yang dikasihi,
Doamu, nasihatmu dan pengorbananmu menjadi pelita
serta panduan perjuanganku dalam kehidupan ini***

***Buatmu adik-beradik (YEE FANG, YEE HONG, YEE KHENG) yang disayangi,
Mu amat bermakna dalam diri ini,
kerjayaanku, kejayaanmu jua***

***Buatmu pembimbing yang disanjung,
Bimbingan, tunjuk ajar, dan jasmu yang diberikan
tidak akan saya lupai***

***Buat teman-teman yang dirindui,
Kejujuran dan keikhlasan dalam persahabatan ini
akan kukenangi selamanya***

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan ikhlas setinggi-tingginya kepada penyelia projek sarjana muda, Pn. Nor Fadila Amin atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan projek Sarjana Muda ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar tanpa rasa jemu dalam proses menyempurnakan projek Sarjana Muda (PSM) ini.

Kerjasama daripada pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Kedah, Sekolah Menengah Teknik Alor Setar, Sekolah Menengah Teknik Jalan Stadium, Sekolah Menengah Teknik Sungai Petani 1, Sekolah Menengah Teknik Sungai Petani 2 dan Sekolah Menengah Teknik Kulim amat dihargai.

Tidak ketinggalan juga kepada semua pensyarah-pensyarah yang telah mencurahkan ilmu dan bakti sepanjang pengajaran di sini. Ucapan jutaan terima kasih turut ditujukan kepada semua rakan-rakan seperjuangan khususnya kepada pelajar-pelajar 4 SPA sesi 03/04 yang banyak membantu dalam menjayakan projek ini. Tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak di atas, projek Sarjana Muda ini tidak akan disiapkan dengan begitu lancar dan sempurna.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik negeri Kedah Darul Aman. Kepuasan yang dikenal pasti ialah kepuasan bekerja terhadap suasana pekerjaan, gaji, peluang kenaikan pangkat, penyeliaan, rakan sekerja dan pekerjaan secara am di kalangan guru teknikal. Data kajian deskriptif ini dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 125 orang guru teknikal yang mengajar dalam pelbagai bidang teknikal di lima buah Sekolah Menengah Teknik di negeri Kedah Darul Aman. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu soalan mengenai latar belakang responden dan bahagian pernyataan “*Job Description Index (JDI)*”. Data dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package For Social Science*) versi 11.0 untuk mendapatkan hasil kajian dalam bentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai (SD). Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan guru teknikal mencapai tahap kepuasan kerja sederhana sahaja, dengan faktor suasana pekerjaan, gaji, peluang kenaikan pangkat, penyeliaan dan rakan sekerja memberi kepuasan yang sederhana manakala pekerjaan secara am menyumbang kepada tahap kepuasan yang tinggi.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify factors that effect satisfaction among technical teachers of Technical secondary school in Kedah Darul Aman. Satisfaction on the technical teacher's working condition, salary condition, promotion opportunities, observation mode, working colleagues and the job itself in general were evaluated. The data for this descriptive study was collected by distributing questionnaires to 125 technical teachers in five Technical Secondary School in Kedah state. Data were obtained from teachers by using a questionnaire developed based on the demographic characteristics of respondents and the "Job Description Index" (JDI). Data analysis was done by using SPSS (Statistical Packages for Social Sciences) Version 11.0 to get frequencies, percentages, means and Standard Deviation (SD). The results showed that the job satisfaction among technical teachers on working condition, salary condition, promotion opportunities, observation mode and working colleagues are at moderate level. Meanwhile the job itself in general had the higher level of satisfaction.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAHAGIAN SATU

BAB I

BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Objektif Kajian	5
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Kepentingan Kajian	6
	1.6 Batasan Kajian	6
	1.7 Definisi Istilah	7

BAHAGIAN DUA

BAB II

BAB II	SOROTAN PENULISAN	10
	2.0 Pengenalan	10
	2.1 Teori Kepuasan Kerja	10
	2.1.1 Teori Hirarki Keperluan Maslow	11
	2.1.2 Teori Dua Faktor Herzberg	15
	2.1.3 Perbandingan antara Teori Maslow dan Teori Herzberg	17
	2.2 Kajian Lepas Tentang Kepuasan Kerja	18
	2.2.1 Kajian Luar Negara	19
	2.2.2 Kajian Tempatan	21
	2.3 Perkaitan Faktor Kepuasan Kerja dengan Kepuasan Kerja	27
	2.3.1 Suasana Pekerjaan	27
	2.3.2 Gaji	28
	2.3.3 Peluang Kenaikan Pangkat	29
	2.3.4 Penyeliaan	29
	2.3.5 Rakan Sekerja	30
	2.4 Kesimpulan	31

BAHAGIAN TIGA

BAB III

BAB III	METODOLOGI	32
	3.0 Pengenalan	32

3.1	Reka Bentuk Kajian	32
3.2	Persampelan	33
3.2.1	Tempat Kajian	33
3.2.2	Populasi Kajian	33
3.2.3	Sampel Kajian	34
3.3	Instrumen Kajian	35
3.4	Prosedur Kajian	36
3.5	Kajian Rintis	38
3.6	Analisis Data	39
3.7	Andaian Kajian	41

BAHAGIAN EMPAT

BAB IV

BAB IV	ANALISIS DATA	42
4.0	Pengenalan	42
4.1	Persoalan Kajian 1: Apakah Tahap Kepuasan Kerja Guru-guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik di Kedah Darul Aman?	43
4.1.1	Suasana Pekerjaan sebagai Faktor Mempengaruhi Kepuasan kerja di Kalangan Guru Teknikal di SMT Negeri Kedah Darul Aman	43
4.1.2	Gaji sebagai Faktor Mempengaruhi Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Teknikal di SMT Negeri Kedah Darul Aman	45
4.1.3	Peluang Kenaikan Pangkat sebagai Faktor Mempengaruhi Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Teknikal di SMT Negeri Kedah Darul Aman	46

4.1.4	Penyeliaan sebagai Faktor Mempengaruhi Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Teknikal di SMT Negeri Kedah Darul Aman	47
4.1.5	Rakan Sekerja sebagai Faktor Mempengaruhi Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Teknikal di SMT Negeri Kedah Darul Aman	49
4.1.6	Pekerjaan Secara Am yang Mempengaruhi Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Teknikal di SMT Negeri Kedah Darul Aman	51
4.1.7	Tahap Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Teknikal di SMT Negeri Kedah Darul Aman	53
4.2	Persoalan Kajian 2: Apakah Faktor Kepuasan Kerja yang Paling Mempengaruhi Kepuasan Kerja?	54
4.3	Persoalan Kajian 3: Apakah Faktor Demografi yang Terpilih seperti Umur, Bangsa, Jantina, Pengalaman Mengajar, Kelayakan Akademik dan Status Perkahwinan dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja?	55
4.3.1	Profil Demografi Responden	55
4.3.2	Faktor Demografi dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja	58
4.3.2.1	Kepuasan Kerja Berdasarkan Umur	58
4.3.2.2	Kepuasan Kerja Berdasarkan Jantina	59
4.3.2.3	Kepuasan Kerja Berdasarkan Bangsa	60
4.3.2.4	Kepuasan Kerja Berdasarkan Status Perkahwinan	61

4.3.2.5	Kepuasan Kerja Berdasarkan Pengalaman Mengajar	62
4.3.2.6	Kepuasan Kerja Berdasarkan Kelayakan Akademik	63

BAHAGIAN LIMA

BAB V

BAB V	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	64
5.0	Pengenalan	64
5.1	Rumusan Kajian	65
5.1.1	Objektif 1: Untuk Menenalpasti Tahap Kepuasan Kerja Guru-guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik di Negeri Kedah Darul Aman	65
5.1.2	Objektif 2: Untuk Menenalpasti Faktor Kepuasan Kerja yang Paling Mempengaruhi Kepuasan Kerja.	68
5.1.3	Objektif 3: Untuk Menenalpasti Faktor Demografi yang Mempengaruhi Kepuasan Kerja.	69
5.2	Perbincangan Kajian	71
5.2.1	Suasana Pekerjaan	71
5.2.2	Gaji	72
5.2.3	Peluang Kenaikan Pangkat	73
5.2.4	Penyeliaan	75
5.2.5	Rakan Sekerja	77
5.2.6	Pekerjaan Secara Am	78
5.2.7	Kepuasan Kerja berdasarkan Faktor Demografi	80

5.3	Cadangan	84
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	86
5.5	Kesimpulan	87

BAHAGIAN ENAM BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI	88
--------------------	-----------

BAHAGIAN TUJUH LAMPIRAN

LAMPIRAN

Lampiran A – G	94 - 110
----------------	----------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Bagaimana Seseorang Pekerja Mencapai Kepuasan Mereka	14
2.2	Faktor-faktor Kepuasan Herzberg	16
2.3	Perbandingan antara Teori Maslow dan Teori Herzberg	18
3.1	Bilangan Guru Teknikal Mengikut SMT	34
3.2	Bilangan Responden Mengikut SMT	35
3.3	Bilangan Item Mengikut Faktor Kepuasan Kerja	36
3.4	Nilai <i>Alpa Cronbach</i> Mengikut Faktor Kepuasan Kerja	39
3.5	Pengkelasan Tahap Kepuasan Kerja Berdasarkan Markat Skala Min	40
4.1	Taburan Faktor Kepuasan Kerja dari Aspek Suasana Pekerjaan	44
4.2	Taburan Faktor Kepuasan Kerja dari Aspek Gaji	45
4.3	Taburan Faktor Kepuasan Kerja dari Aspek Peluang Kenaikan Pangkat	46
4.4	Taburan Faktor Kepuasan Kerja dari Aspek Penyeliaan	48
4.5	Taburan Faktor Kepuasan Kerja dari Aspek Rakan Sekerja	50
4.6	Taburan Pekerjaan Secara Am dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja	52
4.7	Skor Min Mengikut Tahap Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Teknikal di Negeri Kedah Darul Aman	53
4.8	Skor Min Mengikut Faktor Kepuasan Kerja di Kalangan Guru Teknikal di Negeri Kedah Darul Aman	54
4.9	Profil Demografi Responden	57

4.10	Umur dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja	59
4.11	Jantina dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja	59
4.12	Bangsa dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja	60
4.13	Status Perkahwinan dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja	61
4.14	Pengalaman Mengajar dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja	63
4.15	Kelayakan Akademik dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja	63

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Teori Keperluan Manusia Maslow	11
2.2	Kesan Faktor Motivator dan Faktor Hygiene ke atas Kepuasan Kerja	17
3.1	Skala Lima Mata	40
3.2	Skor Skala bagi Menentukan Faktor Demografi dalam Mempengaruhi Kepuasan Kerja Guru-guru Teknikal	41

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Contoh Set Soal Selidik	94
B	Surat Kebenaran untuk Menjalankan Kajian di Sekolah-sekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia	101
C	Surat Kebenaran untuk Menjalankan Kajian di Sekolah-sekolah oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kedah	103
D	Surat Pengesahan Soal Selidik	104
E	Suarat Pengakuan daru Universiti Teknologi Malaysia	108
F	Surat Kebenaran Memasuki Universiti Sain Malaysia	109
G	Jadual Krejcie dan Morgan untuk Persamplean	110

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pada dasarnya, kepuasan kerja merupakan hal individual. Setiap individu akan memiliki tingkat kepuasan yang sesuai dengan nilai-nilai yang berlaku pada dirinya. Semakin banyak aspek-aspek dalam pekerjaan yang sesuai dengan keinginan individu, maka semakin tinggi tingkat kepuasan yang dirasakannya (Moh. As'ad, 1978). Menurut Hoppock (1977), kepuasan kerja merupakan penilaian dari pekerja bahawa seberapa jauh pekerjaannya secara keseluruhan memuaskan ketubuhannya.

Kepuasan kerja amat diperlukan dalam kehidupan seseorang pekerja. Pengkaji-pengkaji seperti Herzberg (1959), Mc Gregor (1960) dan Maslow (1970) telah menekankan bahawa kepuasan kerja adalah merupakan satu keperluan manusia yang paling utama dan mesti dipenuhi, terutama bagi mencapai tahap kesempurnaan sendiri. Kepuasan kerja kepada seseorang individu sama ada dia seorang guru atau kerjaya-kerjaya lain adalah bergantung kepada nilai pekerjaan itu mengikut tafsiran atau penilaian individu itu sendiri. Ketinggian nilai pekerjaan yang dirasakan oleh seseorang individu itu boleh menyebabkan dia merasa puas hati, komited, berminat dan setia kepada pekerjaannya, seterusnya dia akan sentiasa menjalankan tugas dan kewajipannya dengan penuh kerelaan hati tanpa sebarang paksaan (Mc Gregor, 1960).

Guru-guru merupakan sebahagian daripada golongan pendukung yang melaksanakan tugas bagi mencapai matlamat Wawasan 2020. Pihak kerajaan, pentadbir dan perancang sentiasa mengharapkan agar guru-guru dapat membina masyarakat yang mempunyai budaya yang bertamadun tinggi. Guru memainkan banyak peranan dalam sesebuah sekolah. Terdapat dua peranan yang dianggap penting. Pertama, guru berperanan sebagai seorang ahli profesion perguruan bagi memberikan pendidikan formal kepada murid-murid di bangku sekolah, dan sebagai seorang ahli masyarakat guru mempunyai tugas kemasyarakatan (Atan Long, 1998). Profesionalisme merupakan satu nilai yang berkait rapat dengan fungsi pekerjaan seseorang. Nilai ini perlu wujud dalam diri seseorang yang matlamat pekerjaannya untuk mencapai keberkesanan, produktiviti, kecekapan dan bertanggungjawab (Sufean Hussin, 1995).

Memandangkan guru memainkan peranan yang amat penting dalam masyarakat kita, maka soal kepuasan kerja amat perlu untuk memberi perhatian dan mempersoalkan di kalangan guru-guru. Oleh kerana kepuasan kerja merupakan unsur penting dalam meningkatkan proses pengajaran dalam sistem pendidikan di sekolah, maka ia memerlukan pendidik yang kreatif, cekap, bermotivasi tinggi dan berhemah mulia. Kesemua ini akan dapat dicapai apabila guru-guru itu dapat memenuhi kepuasan dalam diri dan pekerjaannya.

Justeru itu, demi mencapai matlamat negara, seseorang guru mestilah mengalami dan memperolehi kepuasan kerja. Seseorang guru perlu mempertingkatkan prestasi kerja dan menuju ke arah menghasilkan dan mempertingkatkan produktiviti yang optimum. Hal ini adalah kerana peningkatan kepuasan kerja akan menambahkan produktiviti, kemampuan dan keberkesanan organisasi (Gruneberg, 1981).

1.1 Latar Belakang Masalah

Pendidikan merupakan institusi yang penting dalam semua masyarakat, baik yang maju ataupun yang sedang mengalami pembangunan. Bagi merealisasikan negara ke arah negara perindustrian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula menyediakan untuk melatih pekerja mahir dan separuh mahir. Dari situ, Kementerian Pendidikan telah menyediakan lebih banyak sekolah-sekolah teknik dan juga politeknik untuk melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam bidang teknikal. Sehubungan dengan itu, para guru teknikal memikul tanggungjawab yang besar untuk mencapai Wawasan 2020.

Memang tidak dapat dinafikan, para guru teknikal memainkan peranan utama dalam melahirkan insan yang mempunyai keperibadian yang mulia. Tugas mereka bukan setakat memberikan pelajaran seperti yang terkandung dalam sesuatu sukatan pelajaran semata-mata, malah meliputi seluruh aspek kehidupan yang mungkin tidak terkandung dalam sukatan pelajaran yang nyata. Ini terbukti apabila Sufean Hussin (1993), menyatakan bahawa disamping tugas asas mengajar dan mendidik, guru banyak dibebankan dengan tugas-tugas lain. Guru dikehendaki memproses pungutan yuran, mengendalikan permohonan skim pinjaman buku teks, gerakan kerja kurikulum, ko-kurikulum, kegiatan persatuan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan sesetengahnya sibuk kesana kemari mengahiri pelbagai mesyuarat. Keadaan kerja itu sendiri yang mungkin turut mempengaruhi kepuasan kerja.

Sebenarnya, tidak semua guru berpandangan positif terhadap pekerjaan yang begitu mulia ini. Mereka juga berkemungkinan mengalami kesan-kesan negatif semasa menjalankan tugas seperti mengalami tekanan perasaan, kekecewaan, suasana yang menjemukan, kebimbangan, kepenatan dan perasaan yang tidak menyeronokkan. Menurut Vroom (1973), sikap positif terhadap kerjaya seseorang guru selalunya akan membawa kepada peningkatan prestasi kerja dan kepuasan kerja, manakala sikap negatif terhadap kerja boleh menyebabkan ketidakpuasan kerja. Oleh itu, faktor yang memberikan kepuasan kerja yang dapat membantu dalam mewujudkan kehidupan yang sempurna dan tenteram kepada individu berkenaan perlulah dikenalpasti (Gruneberg, 1981).

Cara hidup dan tuntutan kerja boleh menyebabkan pekerja berasa tertekan. Zuraidah (1994) menyatakan bahawa tekanan hidup dan tekanan kerja boleh menyebabkan tekanan jiwa dan penyakit fizikal seperti sakit jantung, darah tinggi, hipertensi dan sakit kepala dan seterusnya menjejaskan prestasi kerja. Terdapat juga kejadian di mana berlakunya kes-kes ponteng kerja, kemalangan dan penyakit yang berhubung kait dengan tekanan. Menurut Herzberg (1959), keadaan ini menunjukkan wujudnya rasa tidak puas hati terhadap pekerjaannya. Kes ini boleh dikaitkan dengan satu teori kepuasan kerja iaitu Teori Dua Faktor oleh Herzberg dan Rakan-rakan (1959). Mengikut faktornya, ia dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu keperluan dorongan (*motivator*) dan faktor keperluan persekitaran (*hygiene*). Faktor keperluan dorongan berkaitan dengan perasaan positif terhadap kerja dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kerja. Manakala faktor keperluan persekitaran berkaitan dengan persekitaran kerja itu sendiri.

Blum mengemukakan bahawa kepuasan kerja merupakan sikap umum dari beberapa sikap khusus terhadap penyesuaian diri, faktor-faktor pekerjaan dan hubungan sosial individu di luar kerja (Moh. As'ad, 1978). Kebolehan penyesuaian diri merupakan ciri paling asas dan penting dalam kehidupan para guru untuk berkomunikasi dengan suasana kerja mereka. Selagi tidak dapat menyesuaikan diri dengan kerja mereka, selagi itulah kepuasan kerja tidak akan tercapai.

1.2 Pernyataan Masalah

Secara amnya, kepuasan kerja amat sukar untuk dijelaskan dengan tepat dalam semua bidang pekerjaan kerana ia mempunyai pengertian yang sangat subjektif. Ini adalah kerana setiap orang akan memperoleh kepuasan kerja dengan cara yang berbeza. Persoalan di sini adalah untuk memastikan sama ada guru-guru yang mengajar dalam bidang teknikal benar-benar mengalami kepuasan kerja ataupun sebaliknya. Keadaan kepuasan kerja mungkin disebabkan oleh beberapa faktor tertentu. Kajian ini cuba mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan kerja di kalangan guru teknikal Sekolah Menengah Teknik (SMT) di negeri Kedah Darul Aman.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja guru-guru teknikal Sekolah Menengah Teknik di Kedah Darul Aman.
- (ii) Untuk mengenal pasti faktor kepuasan kerja yang paling mempengaruhi kepuasan kerja.
- (iii) Untuk mengenal pasti faktor demografi yang mempengaruhi kepuasan kerja.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik berusaha untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan seperti di bawah sebagaimana yang telah dinyatakan dalam objektif kajian iaitu:

- (i) Apakah tahap kepuasan kerja guru-guru teknikal Sekolah Menengah Teknik di negeri Kedah Darul Aman?
- (ii) Apakah faktor kepuasan kerja yang paling mempengaruhi kepuasan kerja?
- (iii) Apakah faktor demografi yang terpilih seperti umur, bangsa, jantina, status perkahwinan, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik dalam mempengaruhi kepuasan kerja?